

16/09/2000

Pindaan perlembagaan teliti maksud `Melayu'

MIRI, Jumaat - Pindaan perlembagaan Umno memperincikan maksud `Melayu' dalam usaha memastikan parti itu relevan selain mengelak timbul sebarang pertikaian mengenai tafsirannya.

Pengerusi jawatankuasa itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata cadangan supaya tafsiran `Melayu' diperjelaskan lebih mendalam dibuat berikutan tindakan sesetengah pihak cuba memutarbelitkan isu itu untuk menggugat Umno.

"Bagaimanapun, sebarang pindaan akan mengambil kira kepentingan politik dan parti selain perpaduan dan semangat kerja Melayu," katanya ketika ditemui selepas mengadakan perjumpaan dengan persatuan peniaga daerah Miri di Hotel Holiday Inn, petang ini.

Antara cadangan lain diterima jawatankuasa itu termasuk mengkaji peraturan berhubung pergerakan Pemuda dan Wanita agar dapat bergerak lebih berkesan serta cadangan penubuhan Puteri Umno.

Muhyiddin berkata, setiap cadangan pindaan yang diterima jawatankuasa itu akan dikaji sebelum draf mengenainya disiapkan penghujung bulan depan.

"Sebarang bentuk cadangan akan mengambil kira perkara pokok serta mesti sesuai dengan situasi politik semasa. Yang mana kita fikirkan perlu, kita tokok, perjelas, dan buat pindaan," katanya.

Berita Harian hari ini melaporkan Muhyiddin mengesahkan jawatankuasa berkenaan ada menerima cadangan perlunya proses pemilihan pucuk pimpinan Umno dikaji semula.

Menurut beliau, Umno perlu bersikap terbuka dalam mendapatkan cadangan dan pandangan dari pelbagai pihak demi memastikan pembaharuan yang dicadangkan itu adalah untuk kebaikan parti.

Sekiranya, cadangan itu diterima mesyuarat Agung Umno selepas diluluskan Majlis Tertinggi (MT), bermakna kuasa memilih pucuk pimpinan tertinggi Umno akan diberi kepada akar umbi yang mewakili 16,500 cawangan berbanding 2,000 perwakilan bahagian.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, beliau mempunyai sehingga bulan depan untuk menyiapkan semua draf cadangan itu sebelum diserahkan kepada MT untuk tindakan susulan.

"Sebelum itu saya juga akan mengadakan pertemuan dengan Timbalan Presiden parti merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan draf itu," katanya.

(END)